

**PERANAN INDUSTRI KECIL  
DALAM PEMBANGUNAN DESA DI WILAYAH KEDA:  
Satu Penilaian Tidak Komprehensif.**

oleh

**Che Salmah Bt. Samsudin**

**LATIHAN ILMIAH INI  
Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan  
BAHAGIAN GEOGRAFI  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG**

**1984**

PRAKATA .

Latihan Ilmiah ini merupakan satu kursus yang perlu bagi mahasiswa - mahasiswi yang membuat pengkhususan dalam bidang geografi , Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia , Pulau Pinang dan membawa beban kerja sebanyak lapan unit .

Kursus ini mengambil tempoh masa sepanjang sesi 1983/1984 tetapi kajian perlu dimulakan pada cuti panjang semester kedua sesi 1982/1983 .Tiap-tiap pelajar yang mengikuti kursus ini akan diletakkan dibawah pengawasan seorang pensyarah sebagai penjelia dan penasihat sepanjang pogram ini .

Tujuan kursus ini ialah untuk mendedahkan pelajar-pelajar dengan kerja-kerja luar disamping mempraktikkan amalan-amalan yang dipelajari didalam bilik kuliah . Dengan itu hasil kajian ini boleh dijadikan bahan sumber untuk penyelidikan selanjutnya .

Segala kekurangan yang terdapat dalam kajian ini adalah merupakan tanggung jawab pengkaji dan segala teguran akan diterima dengan hati yang terbuka .

Sekian , terima kasih .

PENGHARGAAN .

Sejak diperingkat awal untuk memulakan Latihan Ilmiah ini sehingga keperingkat akhir ,saya telah mendapat dorongan dan bantuan dari ramai orang . Justru itu melalui ruangan ini , saya ingin ucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat .

Kepada Encik Morshidi Sirat yang bertindak sebagai penyelia dan penasihat saya , saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kerana kesabaran , galakan dan segala nasihat yang bernas semasa seluruh kajian Latihan Ilmiah ini dijalankan .

Juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada pegawai-pegawai Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) iaitu Dr. Wan Azmi Ariffin , Encik Yem bin Othman , Encik Hamzah, Cik Sadirah dan lain-lain yang telah banyak membantu saya semasa menjalankan kajian ini kerana tanpa pertolongan dan kerjasama mereka ,proses penyelidikan ini tidak akan menjadi kenyataan .

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia kompleks perusahaan buluh iaitu Encik Abdul Rahman yang telah membenarkan saya menemu bual pekerja-pekerja kilang ini . Selanjutnya saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat dengan anyaman dan penebang buluh yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan saya mengumpulkan sebahagian besar maklumat Latihan Ilmiah ini .

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Encik Ahmad Endut , Encik Khalid dan Encik Chong yang telah bersusah payah melukiskan peta-peta bagi Latihan Ilmiah ini .

Sekian .

Abstrak

Walau pun sejumlah besar belanjawan kerajaan telah dilaburkan untuk pembangunan luar bandar tetapi jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar menjadi semakin luas lagi . Hasil daripada rancangan pembangunan yang diadakan tidak membuahkan kejayaan yang dapat dibanggakan . Kadar pembangunan yang dialami oleh kawasan luar bandar amat rendah sekali dan masalah pokok iaitu masalah kemiskinan tidak dapat diselesaikan .

Selaras dengan itu Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah ditubuhkan yang bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan sosio ekonomi sebagai satu usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat desa terutamanya yang berada dalam wilayah KEDA . Dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup penduduk ini , KEDA telah memilih untuk memajukan perusahaan kecil kerana dalam wilayah ini terdapat banyak sumber-sumber tempatan yang belum dieksploitasi dengan sepenuhnya .

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai sejauhmana matlamat yang KEDA rancangkan telah tercapai . Adakah dengan terdirinya industri kecil ini pendapatan penduduk telah meningkat ; mutu kehidupan telah berubah ; dan seterusnya peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan yang dapat menyekat penghijrahan belia-belia ke bandar . Kajian ini juga bertujuan untuk membuat perbandingan diantara mereka yang terlibat secara langsung iaitu pekerja kilang dan

mereka yang terlibat secara tidak langsung yang terdiri dari mereka yang mengambil upah menganyam dan juga penebang buluh .

Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan terdirinya industri buluh ini , ia telah dapat membawa perubahan-perubahan atau kesan positif kepada mereka yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung . Didapati bahawa pendapatan mereka telah meningkat .Satu kesan yang menarik ialah terdapat pekerja yang menerima pendapatan bulanan sebanyak \$ 300 yang mana sebahagian besar dari mereka sebelum ini hanya menerima pendapatan kira-kira \$ 50-\$ 100 sebulan .Disamping itu mereka yang mengambil upah menganyam telah menerima pendapatan yang lebih tinggi dari pekerja kilang kecuali bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap .Hasil kajian juga menunjukkan mereka yang terlibat dalam anyaman ini sebahagian besarnya terdiri dari kaum lelaki yang mana pada tujuan asalnya adalah dirancangkan untuk kaum wanita supaya mereka dapat memenuhi masa lapang dengan lebih berfaedah .Penebang buluh juga dapat menikmati bayaran harga yang lebih baik.

Walau pun pendapatan telah meningkat akan tetapi taraf hidup penduduk tidak banyak berubah . Dengan tertubuhnya industri buluh ini ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan dapat pula menyekat penghijrahan belia ke bandar .

Kesimpulannya, walau pun KEDA belum berjaya  
dengan sepenuhnya, tetapi ia mempunyai harapan yang cerah  
untuk mencapai matlamatnya kerana ia mempunyai masa yang  
panjang untuk melaksanakan programnya .

Abstract

Eventhough a big amount of government budget have been invested for rural development but the gap between urban and rural become more wider . The result of development planning does not bring much succession . The rate of development that takes place in the rural areas are definitely low and the major problem of poverty cannot be solved .

In sequence of that Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) have been formed with the objective to speed up the implementation of sosio economic development project in order to increase the standard of living of rural community especially those within the KEDA region . In order to improve the standard of living , KEDA has choose to advance in small industry because there are a lot of local resources which have not been exploited yet .

The objective of this study is to evaluate how far the target that KEDA planned have been achieve . With the establishment of small industry , can the income of the community be increased ; the quality of life be changed; and more employment oppurnity can be created which can stop the migration of young people to urban areas . Also, the objective of this study is to make comparison between those who are involve directly that is the factory worker and those who involve indirectly that is 'penebang buluh' and those that take part in plaiting .



From the study shows that with the establishment of bamboo industry , it brings changes or positive effect to those who are involved either directly or indirectly . It shows that their income has increased . Such effect is those workers who receive their monthly income of \$ 300 whereby before this majority of them only receive \$ 50- \$100 per month .Besides that those who involve in plaiting earned higher income than the factory worker except those who do not have fixed occupation . Also, this study shows that majority who involve in plaiting are man whereby their main objective is plan for woman so that they can use their spare time effectively .Now the 'penebang buluh' also earned better pay .

Eventhough their income have increased but their standard of living does not change much .With the establishment of bamboo industry , it has created more job oppurtunity for local settlers and have also stop the migration of young people to urban areas .

As a conclusion , eventhough KEDA has not achieve successfully but it still has hope to achieve it targets because it still have time to implement its programme .